

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 42****RUANGAN : SETEMPAT****Bayan Lepas**

## **KKM seru staf perbaiki mutu kerja**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan semua kakitangan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan berbanding sebelum ini bagi memberikan kepuasan kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, setiap hari, mingguan, bulanan dan tahunan pelbagai aduan diterima dan secara keseluruhannya kira-kira 7,000 aduan awam diterima dalam tempoh setahun.

Beliau berkata, pihaknya berjaya menyelesaikan 85 peratus aduan yang diterima dan sebagai sasaran tempoh 14 hari diberikan untuk masalah yang diterima itu

diselesaikan.

Katanya, penambahbaikan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai mampu mengelakkan daripada KKM menjadi sasaran tular di media sosial.

“Sebagai contoh, isu yang mencetuskan kontroversi baru-baru ini berhubung kematian seorang lelaki warga Singapura yang menjadi tular dalam sebuah portal berita negara itu.

“Penyebaran laporan tidak tepat mengenai kematian seorang lelaki telah memburukkan dan memberi implikasi buruk terhadap KKM dan negara sendiri kerana ramai yang percaya tanpa merujuk kepada pihak yang sebenar,” katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 42****RUANGAN : SETEMPAT****Bayan Lepas**

## Penyertaan saat akhir bawa tuah



DR Nurul Hassanah (kanan) dan Dr Muhammad Hazim bersama anugerah dimenangi mereka.

Penyertaan di saat akhir disebabkan tuntutan kerja ternyata membawa tuah buat seorang doktor apabila diumumkan juara qariah terbaik sempena Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), di sini, semalam.

Dr Nurul Hassanah Muslim, 27, dari Bahagian Pediatrik, Hospital Umum Sarawak gembira apabila diumumkan pemenang, malah tidak percaya kerana masih ada yang lebih baik berbanding dirinya.

Beliau berkata, penyertaan pertama bersama KKM dalam Majlis Tilawah al-Quran memberi satu pengalaman baru kerana banyak yang perlu diperbaiki dari pelbagai sudut termasuk bacaan dan lain-lain.

"Kejayaan ini cukup menggembirakan dirinya

apabila turut terpilih menjadi tetamu Allah menunaikan ibadah haji pada tahun hadapan sebagai hadiah utama," katanya.

Nurul berkata demikian ketika ditemui semasa Majlis Perasmian Penutup Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan KKM 2017, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Bagi kategori qari terbaik, ia dimenangi doktor dari Hospital Kemaman, Terengganu, Dr Muhammad Hazim Sharum, 28, sekali gus diumumkan qari terbaik keseluruhan.

Menurutnya, kejayaan itu juga penebus kekalahan pada pertandingan tahun lalu selepas menduduki tempat ketiga biarpun pernah muncul juara pada 2014.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA****MUKA SURAT : 31****RUANGAN : UTUSAN KOTA**

## Bekalan darah kritikal, HTAR alukan kerjasama

**KLANG 11 Sept.** - Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) berseidia bekerjasama dengan manama pihak termasuk syarikat korporat serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan bekalan darah di hospital itu cukup untuk menampung keperluan pesakit di negeri ini.

Perkara itu ditegaskan Pengawal Perubatan Tranfusi Darah HTAR, Dr. Sagunthala yang mana kerjasama itu amat diperlukan susulan bekalan darah di hospital itu didapati semakin kritis ketika ini.

Kekurangan bekalan darah di HTAR katanya bukanlah untuk keperluan hospital itu semata-

mata, tetapi ia turut diagihkan kepada hospital-hospital lain di negeri ini mengikut keperluan membabitkan kes-kes kecemasan, pembedahan dan sebagainya.

"Bekalan darah di HTAR ini sebenarnya turut diagihkan kepada hospital-hospital di daerah lain seperti Banting, Sabak Bernam, Shah Alam dan Tanjung Karang.

"Maka, sudah tentunya kita memerlukan bekalan darah yang banyak untuk menyelamatkan lebih banyak nyawa. Maka, untuk menampung bekalan kekurangan bekalan darah ini, kita sentiasa memperbanyak program dan

kempen menderma darah.

"Selain penderma tetap, kita amat mengalu-alukan kerjasama semua pihak sama ada swasta atau NGO untuk memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Kempen Derma Darah anjuran Jaksam Pendamai (JP) Daerah Klang, Kumpulan ACMAR dan Kelab Rotary Klang (KRC) di sini semalam.

Hadir sama pada program itu ialah Setiausaha Kehormat JP Daerah Klang, Datuk Thong Young Koon.

Sementara itu, Young Koon berkata, program derma darah yang dianjurkan pihaknya itu merupakan satu usaha tanggungjawab sosial untuk manfaat masyarakat di negeri ini.

**SAGUNTHALA**